

Tekanan Guru ketika Pengajaran dan Pembelajaran secara dalam Talian: Suatu Kajian Tinjauan

Teacher Stress during Online Teaching and Learning: A Survey Study

Hazlin Falina Rosli

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
hazlinfalina@kuis.edu.my

Norziah Othman

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
norziah@kuis.edu.my

Muhammad Imamuddin Ab Razak

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
muhammadimamuddin95@gmail.com

Kata Kunci:

[Tekanan;
Pengajaran dan
Pembelajaran;
Kemurungan;
Pendidikan]

ABSTRAK

Tekanan yang akhirnya menyebabkan kemurungan dalam kalangan guru menjadi semakin kritikal dan akhirnya memberi kesan negatif kepada prestasi kerja dan sekolah. Kajian ini dilaksanakan bertujuan mengenal pasti faktor yang mempengaruhi tekanan yang dihadapi oleh guru terutamanya yang melibatkan pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian. Kajian ini berbentuk kajian tinjauan melibatkan data kuantitatif melibatkan pemboleh ubah tidak bersandar iaitu tekanan kerja guru dan komunikasi terhadap pemboleh ubah bersandar yakni tahap tekanan guru itu sendiri. Beberapa cadangan dalam menangani tekanan dalam kalangan guru juga dikenalpasti dalam kajian ini, Borang kaji selidik secara dalam talian menggunakan google form adalah instrumen kajian yang diedarkan kepada 123 orang guru di sekolah menengah kebangsaan dan sekolah menengah agama. Data dianalisis secara deskriptif dan inferensi menggunakan perisian Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 26.0 bagi mendapatkan nilai min dan hubungan kolerasi Pearson. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pemboleh ubah tidak bersandar iaitu komunikasi mempunyai hubungan signifikan dengan pemboleh ubah bersandar iaitu tekanan guru ketika pengajaran dan pembelajaran. Peranan ibu bapa sangat penting dalam membantu meringankan tekanan yang dihadapi oleh guru dengan memantau kerja sekolah anak di rumah. Pihak sekolah dan kerajaan juga perlu turut sama membantu menyediakan kemudahan teknologi yang diperlukan oleh guru bagi memudahkan dan melancarkan pengajaran secara dalam talian.

Keywords:

[Stress; Teaching
and Learning;
Depression;
Education]

ABSTRACT

The stress that eventually causes depression among teachers becomes increasingly critical which ultimately has a negative impact on work performance and the institution. This study was carried out with the aim of identifying the factors that affect the pressure on teachers, especially those involving online teaching and learning. This study is a survey study involving quantitative data using work stress and communication as independent variable towards the stress among teachers as dependent variable. Some recommendations in dealing with stress among teachers are also identified in this study. An online survey form using google form is an instrument which distributed to 123 teachers in national secondary schools and religious secondary schools. Data was analyzed descriptively and inferentially by using the Statistical Package for Social Science (SPSS) version 26.0 software to obtain the mean value and Pearson's correlation between each independent variable and the dependent variable. The findings of this study show that the independent variable which is the level of communication has a significant relationship with the dependent variable which is the teacher's pressure in teaching and learning. The role of parents is very important in helping to reduce the pressure faced by teachers when monitoring their children's school work at home. The school and the government also need to help provide the technology facilities needed by teachers to facilitate and launch online teaching.

Received: Sept 30, 2022

Accepted: Nov 16, 2022

Online Published: Nov 30, 2022

PENGENALAN

Pada tahun 2020, seluruh dunia telah digemparkan dengan suatu wabak yang terbukti sangat berbahaya kerana telah mengorbankan berjuta nyawa manusia. Proses penularannya begitu cepat dan mudah menjangkiti sehingga boleh menyebabkan maut. Wabak yang dikenali sebagai Novel Coronavirus 2019 (COVID-19) merupakan salah satu jenis Coronavirus (CoV) terbaharu yang menyerang dunia termasuk di Malaysia. Kemunculan COVID-19 ini telah menyebabkan manusia perlu menjalani kehidupan secara norma baharu apabila Prosedur Operasi Standard atau *Standard Operating Procedure (SOP)* mula diperkenalkan.

Malaysia turut tidak terkecuali apabila kerajaan menetapkan kepada semua masyarakat agar mematuhi peraturan ketika berurusan di luar rumah dan mengelakkan diri daripada mengunjungi tempat yang sesak. Sekolah dilihat paling terkesan apabila terpaksa ditutup bagi mengekang penularan wabak ini dalam kalangan pelajar iaitu antara golongan yang berisiko dan mudah dijangkiti. Dengan itu, pengajaran dan pembelajaran (pdp) secara dalam talian dikenalpasti sebagai penyelesaian terbaik dan perlu diperluaskan amalannya (Kamaruddin, 2007).

E-pembelajaran (*e-learning*) yang dimaksudkan ini walaubagaimanapun masih merupakan suatu pendekatan pdp yang agak baharu walaupun telah lama diperkenalkan iaitu sejak tahun 1990an lagi. Penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi diimplementasikan dalam e-pembelajaran (Allen, 2008; Downes, 2007) bagi memudahkan kaedah penyampaian ilmu dalam pdp. National American Council for Online Learning mendefinisikan e-pembelajaran sebagai kandungan pembelajaran dan pengajaran yang disampaikan melalui teknologi digital seperti teknologi dalam talian atau CD-ROM atau sebarang pengalaman pembelajaran melibatkan komputer (UNESO, 2021). Pertemuan secara bersemuka dapat dikurangkan dan ia memenuhi saranan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi mengawal penularan wabak tersebut daripada terus berleluasa.

PERNYATAAN MASALAH

Pembelajaran secara bersemuka lebih baik berbanding PdPR agar semua pelajar dapat kekal fokus dalam menuntut ilmu. Segala permasalahan yang dihadapi dalam subjek dapat terus berhubung terus dan mendapat maklumat dengan guru secara lebih baik. Namun sistem pengajaran dan pembelajaran yang keseluruhannya disampaikan melalui rangkaian internet dan dikendalikan oleh komputer ini ternyata mengekang pertemuan secara bersemuka antara guru dengan pelajar seperti sebelumnya. Malah guru dituntut untuk berfikir kreatif dalam menyampaikan bahan pengajaran melalui media pembelajaran dalam talian ini (Allen & Seaman, 2008).

Cabaran dan dugaan yang perlu dihadapi sepanjang menjalani PdPR adalah capaian internet yang lemah dan menyukarkan pelajar memberikan sepenuh perhatian semasa kelas dalam talian (Kamaruddin, 2007). Suasana belajar di rumah bagi kebanyakan pelajar juga didapati tidak kondusif apabila ruang pembelajaran dilihat kurang selesa ditambah dengan gangguan oleh adik-beradik dan persekitaran rumah yang bising.

Justeru itu, guru terpaksa memikirkan cara yang terbaik supaya maklumat dapat disampaikan dengan sempurna. Tanggungjawab guru menjadi lebih mencabar apabila mereka perlu menyesuaikan diri dengan kehidupan norma baharu (Engzell, Frey & Verhagen, 2021) ini. Guru perlu membuat banyak persediaan bahan seperti merakam video pengajaran sehinggakan perlu memperuntukkan masa berjam-jam di hadapan komputer setiap hari selain tugas hakiki menyemak latihan tugas dan kerja rumah pelajar.

Walaupun ramai dalam kalangan guru menyatakan telah bersedia dengan perubahan penggunaan teknologi maklumat dalam proses PdPR, namun tidak dinafikan masih ada segelintir guru yang masih memerlukan bimbingan dan tunjuk ajar. Kekurangan alat bantu mengajar seperti komputer, capaian internet di samping ilmu dalam kaedah penyampaian melalui teknologi terkini serta penghasilan bahan pengajaran yang interaktif turut menyumbang kepada tekanan kepada guru (Mailizar et al., 2020). Pemantauan dan gesaan daripada pihak atasan yang menetapkan sasaran kerja atau *Key Performance Indicator (KPI)* yang harus dicapai oleh seorang guru menambahkan lagi tekanan yang dihadapi.

Pengetahuan yang mendalam mengenai teknologi maklumat amat penting bagi guru agar ianya dapat diaplikasikan dengan baik dalam proses PdPR. Belajar secara dalam talian menyebabkan masa yang perlu diluangkan menjadi terhad dan pelajar sukar untuk bertanya

dengan lebih lanjut di samping jawapan yang diterima juga mungkin tidak seperti yang diinginkan. Tekanan sebenarnya dihadapi oleh guru bagi memahami pelajar secara jarak jauh ini. Kemahiran PdPR mereka diuji. Oleh itu, kajian perlu dilakukan bagi mengenal pasti tahap tekanan yang guru hadapi ketika PdPR ini. Beberapa cadangan juga perlu dikenalpasti bagi mengurangkan tekanan ini terutamanya dalam kalangan guru.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian yang dijalankan adalah berbentuk tinjauan melibatkan data kuantitatif yang dikumpulkan melalui *google form* daripada 123 orang guru di Selangor. Teknik pensampelan rawak mudah dilaksanakan dalam kajian ini. Data kemudiannya dianalisis menggunakan perisian SPSS secara deskriptif melalui nilai skor min bagi tahap dua pembolehubah tidak bersandar iaitu tekanan kerja dan komunikasi serta pembolehubah bersandar melibatkan tekanan yang dihadapi oleh guru ketika PdPR. Analisis inferensi merangkumi nilai korelasi Pearson bagi menganalisis hubungan kedua-dua pembolehubah tidak bersandar terhadap pembolehubah bersandar dilakukan dalam kajian ini.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Jadual 1 menunjukkan demografik responden dalam kalangan guru yang menjadi sampel kajian ini. Majoriti responden atau 65.9% responden kajian ini terdiri daripada guru perempuan manakala selebihnya iaitu 34.1% merupakan guru lelaki. 39% daripada guruyang terlibat dalam kajian ini berusia antara 25 hingga 30 tahun, 30.9% berusia 41 tahun ke atas manakala 20.3% berusia 31 hingga 35 tahun dan bakinya 9.8% berusia 36 hingga 40 tahun.

Jadual 1 juga menunjukkan bahawa peratusan bagi guru yang terlibat dalam kajian ini dan masih bujang adalah sebanyak 38.2% manakala guru yang sudah berkahwin mencatat peratusan sebanyak 61.8%. Ini menunjukkan gurudi sekolah kebanyakannya sudah berkeluarga dan diandaikan mempunyai banyak komitmen berbanding guruyang masih bujang. Berdasarkan kepada Jadual 1 juga, peratusan bagi guruyang berbangsa Melayu adalah sebanyak 95.1%, manakala guru yang berbangsa Cina adalah sebanyak 3.3% dan guru yang berbangsa India pula peratusannya sebanyak 1.6%. 42.3% guru yang terlibat dalam kajian ini baharu berkhidmat kurang dari 5 tahun manakala 40.7% daripada mereka telah berkhidmat melebihi 10 tahun dan hanya 17.1% mencatatkan tempoh perkhidmatan 6 hingga 10 tahun. 62.6% guru yang terlibat dalam kajian ini berkhidmat di sekolah kerajaan manakala 37.4% daripadanya berkhidmat di sekolah swasta.

Jadual 1: Maklumat Demografi Responden

Ciri	Frekuensi (bilangan)	Peratus (%)
Jantina:		
Lelaki	42	34.10%
Perempuan	81	65.90%
Umur:		
25-30 tahun	48	39%
31-35 tahun	25	20.30%
36-40 tahun	12	9.80%
41 tahun ke atas	38	30.90%
Status Perkahwinan:		
Bujang	76	61.80%
Berkahwin	47	38.20%
Bangsa:		
Melayu	117	95.10%
Cina	4	3.30%
India	2	1.60%
Lain-lain	-	-
Tempoh Perkhidmatan:		
Kurang dari 5 tahun	52	42.30%
6-10 tahun	21	17.10%
10 tahun ke atas	50	40.70%
Institusi Pengajian:		
Kerajaan	77	62.60%
Swasta	46	37.40%

Data kuantitatif ini dianalisis secara deskriptif melalui skor min terhadap tahap tekanan kerja dan komunikasi yang mempengaruhi tekanan guru ketika PdPR. Interpretasi skor min bagi kajian ini adalah melalui Jadual 2 di bawah:

Jadual 2: Analisis Pengelasan Skor Min dan Tahap Penilaian

Skor Min	Tahap
1.00 - 2.33	Lemah
2.34 - 3.67	Sederhana
3.68 -5.00	Tinggi

(Sumber: Mohd Najib Abdul Ghafar, 2003)

Jadual 3 menunjukkan nilai skor min bagi pemboleh ubah yang terlibat iaitu tekanan guru, tekanan kerja guru dan komunikasi guru ketika pengajaran dan pembelajaran dalam talian.

Jadual 3: Analisis Deskriptif Min

Pemboleh ubah	Skor Min	Tahap Skor
Tekanan Guru	2.98	Sederhana
Tahap Tekanan Kerja Guru	3.52	Sederhana
Komunikasi	2.59	Sederhana

Jadual 3 menunjukkan nilai purata tahap tekanan guru, tekanan kerja guru dan komunikasi berada pada tahap yang sederhana. Tekanan guru ketika PdPR berada pada tahap yang sederhana. Nilai purata yang tertinggi adalah item yang kedua iaitu melalui pernyataan “Saya lebih gemar mengajar di bilik darjah” (4.55).

Analisis skor min terhadap tekanan kerja guru didapati berada pada tahap yang sederhana. Nilai purata yang tertinggi adalah melibatkan item yang pertama melalui pernyataan “Saya perlu mempunyai instrumen tambahan agar dapat mengajar pelajar dengan lebih baik” (4.21). Analisis skor min bagi setiap pernyataan yang diberikan oleh responden untuk pemboleh ubah tidak bersandar iaitu komunikasi guru ketika PdPR juga didapati berada pada tahap yang sederhana. Nilai purata yang tertinggi adalah daripada item yang kelima dengan pernyataan “Saya berasa yakin terhadap penyampaian saya” (3.19).

Analisis kolerasi digunakan bertujuan untuk melihat hubungan antara pemboleh ubah tidak bersandar dan pemboleh ubah bersandar. Pemboleh ubah tidak bersandar dalam kajian ini terdiri daripada tahap tekanan kerja guru dan komunikasi. Seterusnya, bagi pemboleh ubah bersandar dalam kajian ini adalah tekanan guru. Jadual 4 di bawah menunjukkan skala bagi tafsiran nilai pekali kolerasi:

Jadual 4: Nilai Pekali Kolerasi

Nilai Kolerasi	Tahap Kolerasi
0.70 - 1.00	Sangat Kuat
0.50 – 0.69	Kuat
0.30 – 0.49	Sederhana
0.10 – 0.29	Lemah
0.01 – 0.09	Sangat Lemah

(Sumber: James A Davis)

Jadual 5: Analisis Kolerasi Pemboleh Ubah

Korelasi Pearson				
		Tekanan	Tekanan Kerja	Komunikasi
Tekanan	Pearson Correlation	1	.654**	.771**
	Sig. (2-tailed)		.000	.000
	N	123	123	123
Tekanan Kerja	Pearson Correlation	.654**	1	.625**
	Sig. (2-tailed)	.000		.000
	N	123	123	123
Komunikasi	Pearson Correlation	.771**	.625**	1
	Sig. (2-tailed)	.000	.000	
	N	123	123	123

** . Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).

Kajian mendapati bahawa tekanan kerja dan komunikasi guru mempunyai hubungan yang signifikan terhadap tekanan (nilai korelasi 0.654 dan 0.771 masing-masing). Komunikasi guru menunjukkan hubungan yang paling dominan dengan nilai korelasi tertinggi yang mempengaruhi tekanan guru ketika pengajaran dan pembelajaran dalam talian.

Terdapat beberapa cadangan yang diberikan oleh responden yang terdiri daripada gurubagi mengatasi masalah tekanan antaranya adalah:

- i. Ibu bapa perlu memainkan peranan dalam membantu pelajar dan guru daripada segi kerja rumah yang perlu disiapkan.
- ii. Ibu bapa perlu sentiasa memantau anak mereka kita belajar secara dalam talian.
- iii. Ibu bapa tidak menyerahkan sepenuhnya tanggungjawab kepada guru dalam mengajar dan mendidik anak-anak mereka.
- iv. Pihak kerajaan juga perlu memberikan bantuan capaian internet atau alatan teknologi seperti tablet, laptop, dan telefon pintar kepada guru.
- v. Pihak sekolah turut membantu meningkatkan kepakaran guru dengan memberikan panduan serta kursus berkaitan penggunaan alat teknologi supaya kerja lebih produktif dan berkesan.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, kaedah terbaik dalam PdP adalah belajar secara bersemuka di sekolah kerana ia lebih banyak membantu dan memudahkan guru memantau pelajar mereka. Sekolah merupakan tempat paling selamat buat pelajar berbanding di rumah kerana tidak semua ibu bapa berada di rumah. Namun pematuhan kepada prosedur operasi standard (SOP) juga perlu demi menyekat penularan wabak pandemik COVID-19 di sekolah.

Tekanan yang dihadapi dalam kalangan guru semakin ketara di sekolah akibat bebanan kerja ini terutama ketika pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian. Apabila tanggungjawab guru semakin mencabar dan berupaya menggugat prestasi kerja mereka. Kegagalan mengawal tekanan boleh membawa kesan yang buruk kepada individu dan juga boleh menjejaskan imej sekolah. Oleh itu kementerian Pendidikan Malaysia dan sekolah harus memahami masalah ini dengan mengurangkan beban kerja guru. Para guru perlu sentiasa bersikap positif dalam menghadapi cabaran-cabaran dalam dunia pendidikan terutama ketika musim pasca pandemik Covid-19. Oleh itu, diharapkan kajian ini dapat membantu memberikan solusi atau langkah terbaik demi kecemerlangan pelajar, guru dan semua pihak yang terlibat secara langsung.

PENGHARGAAN

Setinggi ucapan terima kasih buat pihak yang terlibat terutama Fakulti Pengurusan dan Muamalah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) yang telah memberi kerjasama, sokongan dan bantuan kemudahan dalam menyiapkan kajian ini.

RUJUKAN

- Allen, I. E. & Seaman, J. (2008). Staying the Course Online Education in United States. United States of America: Sloan Consortium. Retrieved November 16, 2008, from http://www.sloanc.org/publications/survey/pdf/staying_the_course.pdf
- Brown, J. S., (2002). Growing Up Digital: How the Web Changes Work, Education, and the - Ways.
- Downes, S. (2007). An Introduction to Connective Knowledge. In Hug, T. (Ed.) Media, Knowledge & Education - Exploring new Spaces, Relations and Dynamics in Digital Media Ecologies. Proceedings of the International Conference held on June 25-26, 2007.
- Driscoll, M. (2000). Psychology of Learning for Instruction. Needham Heights, MA, Allyn & Bacon.
- Che Ghani Che Kob, M. S. (2016). Amalan Gaya pembelajaran pelajar cemerlang di Politeknik Seberang Perai: Kajian pelajar Malaysia berdasarkan model Felder Silvermen. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*, 12(3), 181-191.
- Engzell, P.; Frey, A.; Verhagen, M.D. (2021). Learning inequality during the COVID-19 pandemic. *Proc. Natl. Acad. Sci. USA* 2021, 118, 1.
- Harian, B. (2020). *COVID-19: Pendidikan menerusi dunia maya cabaran baharu buat guru*. Malaysia: BH Online.
- Kamaruddin, K. (2007). Tekanan kerja di kalangan guru Sekolah Menengah. *Jurnal Kemanusiaan bil.10, Disember 2007*.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30, 607-610.
- Mailizar, A., Abdulsalam, M., Suci, B., & Sandra (2020). Secondary school mathematics teachers' views on E-learning implementation barriers during the COVID-19 pandemic: The case of Indonesia. *Eurasia Journal of Mathematics, Science & Technology Education* ; 16(7):1-9.
- Shin, W. Y. (2020). IDEAS. Retrieved from Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS): <https://www.ideas.org.my/pendidikan-sepanjang-krisis-covid-19/>



Faculty of Management and Muamalah
International Islamic University College Selangor
(KUIS)

Vol. 12. No. 2 (November 2022) eISSN 2180-1681

UNESCO. Education: From Disruption to Recovery. 2021. Available online:
<https://en.unesco.org/covid19/educationresponse> (accessed on 20 May 2021).